

PANDUAN DOA KETIKA WABAK

ABDULLAH BUKHARI BIN ABDUL RAHIM
HEAD OF DEPARTMENT
TILAWAH DIVISION
CELPAD, IIUM



SAKIT ADALAH UJIAN

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ (155) الَّذِينَ إِذَا
أَصَابَتْهُمْ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ (156)

Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman.

Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar, (yaitu) orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali." (al-Baqarah 2:155-156).

DOA SELEPAS DITIMPA MUSIBAH

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ
اللَّهُمَّ أَجْرِي فِي مُصِيبَتِي وَأَخْلِفْ لِي خَيْرًا مِنْهَا

Sesungguhnya kami ini milik Allah dan sesungguhnya kami akan kembali padaNya. Ya Allah! Berikan ganjaran padaku dalam musibah yang menimpaku ini, dan gantikanlah ia dengan sesuatu yang lebih baik

(Sahih Muslim, 1526).

LAFAZ KHUSUS UNTUK UMAT MUHAMMAD?

عن سعيد بن جبير أنه قال: لم يعط أحد غير هذه الأمة الاسترجاع، ألا تسمعون إلى قول يعقوب، عليه السلام:
{ يَا أَسْفَى عَلَى يُوسُفَ وَابْيَضَّتْ عَيْنَاهُ مِنَ الْحُزْنِ فَهُوَ كَظِيمٌ }

Sa'id bin Jubayr berkata: Lafaz Istirja' tak pernah diberikan kepada sesiapa pun selain umat ini (Umat nabi Muhammad SAW). Tidakkah kamu dengar kata-kata Ya'qub AS dalam firman Allah:
Aduhai sedihnya aku kerana (terkenang) Yusuf, dan putihlah dua belah matanya disebabkan ratap tangis dukacitanya kerana dia orang yang memendamkan marahnya di dalam hati (Yusuf 12:84).

(Tafsir Ibn Kathir).

PERANAN DOA DALAM KEHIDUPAN


عَنْ سَلْمَانَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَرُدُّ الْقَضَاءُ إِلَّا الدُّعَاءُ وَلَا يَزِيدُ فِي
الْعُمُرِ إِلَّا الْبِرُّ

**Tidak akan ditolak sebarang ketentuan (Allah)
melainkan dengan doa dan tidak ada perkara yang
mampu menambah (memanjangkan) usia melainkan
dengan amal kebajikan
(Sunan al-Tirmidhi, 2065).**

SOMBONG DAN MALAS BERDOA MENGUNDANG MURKA ALLAH?

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي
سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ

Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina (Ghafir 40:60).



**PUNCA
DOA
DITOLAK!!**



DOA PENUH DOSA, DENDAM, GELOJOH

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ
قَالَ لَا يَزَالُ يُسْتَجَابُ لِلْعَبْدِ
مَا لَمْ يَدْعُ بِإِثْمٍ أَوْ قَطِيعَةٍ
رَحِمَ مَا لَمْ يَسْتَعْجَلْ قِيلَ يَا
رَسُولَ اللَّهِ مَا الْإِسْتِعْجَالُ
قَالَ يَقُولُ قَدْ دَعَوْتُ وَقَدْ
دَعَوْتُ فَلَمْ أَرَ يَسْتَجِيبُ لِي
فَيَسْتَحْسِرُ عِنْدَ ذَلِكَ وَيَدْعُ
الدُّعَاءَ

“DOA SEORANG HAMBA AKAN DIPERKENAN SELAGI DIA TIDAK BERDOA UNTUK SESUATU DOSA ATAU MEMUTUSKAN HUBUNGAN PERSAUDARAAN, (JUGA) SELAGI DIA TIDAK MINTA DOANYA DISEGERAKAN.” Para sahabat bertanya: “Apa yang dimaksudkan dengan minta disegerakan?” Baginda menyambung: “(Apabila) seseorang itu berkata – Aku sudah (lama) berdoa tetapi aku rasa ia tidak diperkenankan untukku, lalu dia berputus asa (berhenti berdoa) dan meninggalkan (amalan) berdoa (Sahih Muslim, 4918).

SUMBER REZEKI HARAM

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا
أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ { يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ } وَقَالَ { يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
آمَنُوا كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ } ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ يَا رَبِّ يَا رَبِّ وَمَطْعَمُهُ
حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغُذِيَ بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لِذَلِكَ

“Wahai sekalian manusia, sesungguhnya Allah (Maha) Suci dan Dia tidak akan terima (sesuatu amalan hamba-Nya) melainkan yang suci sahaja. Sesungguhnya Allah mengarahkan kepada orang beriman dengana arahan yang sama pernah diarahkan kepada para Rasul dalam firman-Nya: “Wahai para Rasul, makanlah dari benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal soleh; sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan (al-Mu’minun 23:51).

Juga Firman-Nya:

Wahai orang beriman! Makanlah dari benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya (al-Baqarah 2:172).

Kemudian Nabi menyebut kisah seorang lelaki itu panjang musafirnya (kerana mengerjakan berbagai ibadah seperti haji, umrah, hubung silaturahmi, menuntut ilmu) sehingga kusut masai rambutnya, berdebu tubuhnya. Dia mengangkat tangannya ke langit berdoa seraya berkata –
Wahai Tuhanku, Wahai Tuhanku, **SEDANGKAN MAKANNYA, MINUMNYA, PAKAIANNYA (BERPUNCA DARI SUMBER) HARAM DAN DIA DIBERI MAKAN (SEJAK KECIL) DARI SUMBER HARAM, MAKA MANA MUNGKIN DIPERKENANKAN DOANYA** (Sahih Muslim, 1686).



BEBERAPA TEKNIK DOA YANG BETUL

1) MEMENUHI KEHENDAK ALLAH

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ
يُرْشَدُونَ

Dan apabila para hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepadaKu. **“MAKA HENDAKLAH MEREKA MENYAHUT SERUANKU (DENGAN MEMATUHI PERINTAHKU), DAN HENDAKLAH MEREKA BERIMAN KEPADAKU”** supaya mereka menjadi baik serta betul (al-Baqarah [:186).

ANALOGI... ISI BORANG PERMOHONAN

Ia seumpama memenuhi syarat pihak yang mahu memberikan bantuan. Isilah borangnya, sediakanlah salinan kad pengenalan, salinan sijil dan sebagainya jika mahu permohonan ditimbang. Usah berangan bantuan bakal menjengah pintu rumah jika borang pun tidak diisi.



2) MENGUTAMAKAN HAK ALLAH

رَبَّنَا إِنِّي أَسْكَنْتُ مِنْ ذُرِّيَّتِي بِوَادٍ غَيْرِ ذِي زَرْعٍ عِنْدَ بَيْتِكَ الْمُحَرَّمِ رَبَّنَا لِيُقِيمُوا الصَّلَاةَ
فَاجْعَلْ أَفْئِدَةً مِنَ النَّاسِ تَهْوِي إِلَيْهِمْ وَارْزُقْهُمْ مِنَ الثَّمَرَاتِ لَعَلَّهُمْ يَشْكُرُونَ

"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Makkah) yang tidak tanaman padanya, di sisi rumahMu yang diharamkan mencerobohnya.

“WAHAI TUHAN KAMI, (MEREKA DITEMPATKAN DI SITU) SUPAYA MEREKA MENDIRIKAN SEMBAHYANG (DAN MEMAKMURKANNYA DENGAN IBADAT).” Oleh itu, jadikanlah hati sebahagian dari manusia tertarik gemar kepada mereka, (supaya datang beramai-ramai ke situ), dan kurniakanlah rezeki kepada mereka dari berbagai jenis buah-buahan dan hasil tanaman, semoga mereka bersyukur (Ibrahim 14:37).

3) DOA SECARA KONSISTEN YUNUS

وَإِنَّ يُونُسَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ (139) إِذْ أَيْقَ إِلَى الْفُلْكِ الْمَشْحُونِ (140) فَسَاهَمَ فَكَانَ مِنَ الْمُدْحَضِينَ (141)
فَالْتَقَمَهُ الْحُوتُ وَهُوَ مُلِيمٌ (142) فَلَوْلَا أَنَّهُ كَانَ مِنَ الْمُسَبِّحِينَ (143) لَلَبِثَ فِي بَطْنِهِ إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ (144)

Dan sesungguhnya Nabi Yunus adalah dari para Rasul (Kami) yang diutus. (Ingatkanlah peristiwa) ketika dia melarikan diri ke kapal yang penuh sarat. (Dengan satu keadaan yang terpaksa) maka dia pun turut mengundi, lalu jadilah dia dari orang yang kalah yang digeluncurkan (ke laut). Setelah itu dia ditelan oleh ikan besar, sedang dia berhak ditegur. **MAKA KALAU DIA (DAHULUNYA KETIKA SENANG) BUKAN DARIPADA ORANG YANG SENTIASA MENGINGATI ALLAH (DENGAN ZIKIR DAN TASBIH), SUDAH PASTI DIA AKAN TINGGAL (BERKUBUR) DALAM PERUT IKAN ITU HINGGA KE HARI MANUSIA DIBANGKITKAN KELUAR DARI KUBUR (al-Saffat 37:139-144).**

دَعْوَةُ ذِي النُّونِ إِذْ دَعَا وَهُوَ فِي بَطْنِ الْحُوتِ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ فَإِنَّهُ لَمَّا يَدْعُ بِهَا رَجُلٌ مُسْلِمٌ فِي شَيْءٍ قَطُّ إِلَّا اسْتَجَابَ اللَّهُ لَهُ

Doa nabi Yunus yang dibacanya ketika dalam perut ikan iaitu **“Tiada Tuhan Melainkan Engkau, Maha Suci Engkau, sesungguhnya aku tergolong dalam orang yang berlaku zalim”** (adalah lafaz doa yang sangat istimewa), tiada seorang pun Muslim yang menggunakan lafaz doa ini melainkan akan dimakbulkan Allah baginya (Sunan al-Tirmidhi, hadis nombor 3427).



تَعَرَّفْ إِلَى اللَّهِ فِي الرَّخَاءِ يَعْرِفَكَ فِي
الشَّدَّةِ

Kenalilah (ingatilah) Allah
ketika senang, pastinya
Dia akan mengenalmu
ketika sukar

(Mustadrak al-Hakim, hadith no
6364).



4) GUNA DOA TAWASSUL

- TAWASSUL DENGAN NAMA ALLAH

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا

DAN ALLAH PUNYAI NAMA YANG BAIK (YANG MULIA), MAKA SERULAH (DAN BERDOALAH) KEPADA-NYA DENGAN MENYEBUT NAMA-NAMA ITU.....(al-A'raf 7:180).

- TAWASSUL DENGAN AMAL SOLEH
- TAWASSUL DENGAN ORANG SOLEH

**5) GUNA DOA
YANG SABIT
DARI AL-QURAN &
SUNNAH
(FOKUS CERAMAH
HARI INI)**



5.1) AYAT AL-KURSI



KELEBIHAN AYAT KURSI?

أبو أمامة الباهلي رضي الله عنه : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ قَرَأَ آيَةَ الْكُرْسِيِّ دُبُرَ كُلِّ صَلَاةٍ مَكْتُوبَةٍ لَمْ يَمْنَعَهُ مِنْ دُخُولِ الْجَنَّةِ، إِلَّا الْمَوْتُ

SESIAPA YANG (SELALU) MEMBACA AYAT AL-KURSI SELEPAS SELESAI SETIAP SOLAT, TIADA YANG DAPAT MENGHALANGNYA DARIPADA MEMASUKI SYURGA KECUALI (DIA BELUM) MATI

(Sunan al-Kubra al-Nasa'i & Mu'jam al-Kabir Imam al-Tabrani)

AYAT PALING AGUNG

عَنْ أَبِي بِنِ كَعْبٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ يَا أَبَا الْمُنْذِرِ أَتَدْرِي أَيُّ آيَةٍ مِنْ كِتَابِ اللَّهِ مَعَكَ أَعْظَمُ قَالَ قُلْتُ وَاللَّهِ وَرَسُولُهُ
أَعْلَمُ قَالَ يَا أَبَا الْمُنْذِرِ أَتَدْرِي أَيُّ آيَةٍ مِنْ كِتَابِ اللَّهِ مَعَكَ أَعْظَمُ قَالَ قُلْتُ
{ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ } قَالَ فَضْرَبَ فِي صَدْرِي وَقَالَ وَاللَّهِ لِيَهْنِكَ الْعِلْمُ أَبَا الْمُنْذِرِ

Ubay bin Ka'ab menceritakan Rasulullah pernah bertanya padanya: “Wahai Abul Mundzir, ayat apakah dalam al-Quran menurutmu yang paling agung?” Ubay menjawab: “Allah dan Rasul-Nya yang lebih mengetahui.” Nabi bertanya kembali : “Wahai Abul Mundzir, ayat apakah dalam al-Quran menurutmu yang paling agung?” Ubay menjawab: “Ayat kursi” (al-Baqarah 2:255). Rasulullah SAW kemudiannya menepuk dadaku seraya bersabda : “Demi Allah, semoga ilmu mudah engkau capai wahai Abul Mundzir!” (Sahih Muslim, 1343).

**RAHSIA BAHASA
PADA PATAH AYAT KURSI**

(MENGANDUNGI 17 KALI PENGULANGAN NAMA ALLAH)

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ، لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ
لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ، مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا
بِإِذْنِهِ ، يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ، وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ
إِلَّا بِمَا شَاءَ ، وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ ،
وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

اللَّهُ هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ لَهُ

عِنْدَهُ بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَنْ عِلْمِهِ بِمَا شَاءَ كُرْسِيِّهِ

وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

KURSI ALLAH YANG SANGAT LUAS

وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ

Luasnya Kursi Allah (ilmu-Nya dan kekuasaan-Nya) meliputi langit dan bumi;

ALLAH MAHA PENJAGA SEGALANYA

وَلَا يُوَدُّهُ حِفْظُهُمَا * وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

Dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya (langit dan bumi). Dan Dia lah Yang Maha Tinggi (darjat kemuliaanNya), lagi Maha Besar (kekuasaanNya) (al-Baqarah 2:255).

(Allah) tidak merasa berat atau sukar menjaga makhluk ciptaan-Nya sebesar langit dan bumi, juga menjaga makhluk yang berada pada keduanya atau yang wujud antara keduanya. Semua itu amat mudah dan senang bagi-Nya. Dia juga yang bertanggungjawab terhadap semua tingkah laku makhluk, Memerhatikan semua perkara. Tiada yang terlepas dari pengetahuan-Nya. Semua perkara tunduk hina lagi kecil berbanding kehebatan-Nya. Semua makhluk sangat faqir lagi memerlukan Allah. Sedangkan Allah adalah Tuhan Yang Maha Tinggi dan berhak melakukan apa sahaja. Tiada siapa berhak bertanya akan segala tindakan-Nya sedangkan mereka (semua makhluk) akan ditanya Allah akan sebab perbuatan mereka.

(Petikan makna dari Tafsir Ibn Kathir)

Ketika sampai pada bahagian akhir ayat ini, kita perlu ulang berkali-kali dan fokus pada maknanya. **Jika Allah mampu dan tidak berat sedikit pun menjaga kerajaan-Nya yang seluas langit dan bumi, pasti Dia tidak susah untuk menjaga kita, keluarga kita dan seluruh umat Islam daripada sebarang bencana termasuk wabak COVID 19.**




5.2) DOA NABI YA'QUB

قَالَ هَلْ أَمْنُكُمْ عَلَيْهِ إِلَّا كَمَا أَمِنْتُكُمْ عَلَىٰ أَخِيهِ مِنْ قَبْلُ ۖ فَاللَّهُ خَيْرٌ حَافِظًا وَهُوَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ

Bapa mereka (nabi Ya'qub) berkata: "(Jika aku lepaskan dia pergi bersama-sama kamu), aku tidak menaruh kepercayaan kepada kamu menjaganya melainkan seperti kepercayaanku kepada kamu menjaga saudaranya dahulu (yang telah kamu hampakan. Oleh itu aku hanya menaruh kepercayaan kepada Allah), kerana **ALLAH JUALAH PENJAGA YANG SEBAIK-BAIKNYA, DAN DIA LAH JUA YANG MAHA MENGASIHANI DARI SESIAPA SAHAJA YANG MENARUH BELAS KASIHAN**"(Yusuf 12:64).

5.3) SURAH AL-FALAQ

PELINDUNG BENCANA
FIZIKAL



KELEBIHAN 2 SURAH PELINDUNG

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ قَالَ قَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْزَلَ أَوْ أَنْزَلَتْ عَلَيَّ آيَاتٌ لَمْ يُرَ مِثْلُهُنَّ
قَطُّ الْمُعَوِّذَتَيْنِ

‘Uqbah bin ‘Amir berkata; Rasulullah SAW bersabda kepadaku:

“Telah diturunkan kepadaku beberapa ayat yang tidak ada setandingnya (dalam memohon perlindungan dengan Allah); ia adalah 2 surah yang menjadi pelindung (al-Falaq & al-Nas)”
(Sahih Muslim, 1349).

BACAAN KETIKA SAKIT

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا اشْتَكَى يَقْرَأُ عَلَى نَفْسِهِ
بِالْمُعَوِّذَاتِ وَيَنْفُثُ فَلَمَّا اشْتَدَّ وَجَعُهُ كُنْتُ أَقْرَأُ عَلَيْهِ وَأَمْسَحُ بِيَدِهِ رَجَاءَ بَرَكَتِهَا

Aishah meriwayatkan apabila Rasulullah SAW sakit, **baginda akan membaca dan menyapu badannya dengan bacaan surah surah pelindung (al-Falaq & al-Nas)**. Apabila sakit baginda bertambah, aku akan membaca kedua surah itu dan aku sapu pada tangannya dengan mengharap keberkatannya (Sahih al-Bukhari, 4629).

PERISTIWA RIBUT DAN LANGIT GELAP

عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ قَالَ بَيْنَا أَنَا أَسِيرُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ الْجُحْفَةِ وَالْأَبْوَاءِ إِذْ
غَشِيَتْنَا رِيحٌ وَظُلْمَةٌ شَدِيدَةٌ فَجَعَلَ رَسُولُ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَعَوَّذُ بِأَعُوذِ رَبِّ الْفَلَقِ
وَأَعُوذِ رَبِّ النَّاسِ وَيَقُولُ يَا عُقْبَةُ تَعَوَّذْ بِهِمَا
فَمَا تَعَوَّذَ مُتَعَوَّذٌ بِمِثْلِهِمَا قَالَ وَسَمِعْتُهُ يُؤْمِنَا
بِهِمَا فِي الصَّلَاةِ



'Uqbah bin 'Amir menceritakan, (pada suatu hari) ketika aku berjalan bersama Rasulullah SAW di sebuah tempat antara al-Juhfah dan al-Abwa', kami diliputi oleh angin kencang dan langit yang gelap. Berikutan itu Rasulullah SAW berdoa perlindungan dengan surah al-Falaq dan surah al-Nas seraya bersabda: **WAHAI 'UQBAH! MOHONLAH PERLINDUNGAN (DENGAN ALLAH) DENGAN KEDUA SURAH INI KERANA IA ADALAH DOA PERLINDUNGAN TERBAIK YANG TIDAK MAMPU DITANDINGI OLEH MANA-MANA DOA SEKALIPUN.**" ('Uqbah juga berkata): "Kami selalu dengar baginda membaca keduanya ketika baginda memimpin solat kami"

(Sunan Abu Dawud, 1251).

SURAH WAKTU SUBUH



SURAH PELINDUNG DARIPADA

MUDARAT FIZIKAL



رب الفلق؟

MENGAPA MOHON
PERLINDUNGAN DENGAN
TUHAN PEMILIK WAKTU
PAGI?

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ (1)



ALLAH SATU-SATU TUHAN YANG MAMPU MELINDUNGI KITA DARIPADA SEGALA MUDARAT!

يَا غُلَامُ إِنِّي أُعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ أَحْفَظُ اللَّهُ يَحْفَظُكَ أَحْفَظُ اللَّهُ بِحَدِّهِ بُجَاهَكَ إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ وَإِذَا اسْتَعَنْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ وَاعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوِ اجْتَمَعَتْ
عَلَى أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ وَلَوْ اجْتَمَعُوا عَلَى أَنْ يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ رُفِعَتْ
الْأَقْلَامُ وَجَفَّتِ الصُّحُفُ

Wahai anak! Aku akan mengajarkanmu beberapa pelajaran berguna. Jagalah (hak) Allah (dengan mentaati-Nya), sudah pasti Allah akan menjagamu. Jagalah (hak) Allah (dengan mentaatiNya), sudah pasti Allah akan membantumu. Jika engkau mahu meminta sesuatu maka mintalah dari Allah. Jika engkau mahukan pertolongan, maka mintalah pertolongan darinya. Percayalah bahawa jika seluruh umat manusia berkumpul untuk memberikanmu sesuatu manfaat, mereka tidak akan mampu (sama sekali) memberikanmu manfaat melainkan apa yang sudah Allah tentukan untukmu. Dan jika mereka (seluruh umat manusia) berkumpul untuk memudharatkanmu, mereka tidak akan mampu (sama sekali) memudharatkanmu melainkan apa yang sudah Allah tentukan untukmu. Pena taqdir sudah diangkat dan kertas taqdirmu juga sudah kering! (Taqdir yang ditulis semenjak azali sudah muktamad dan tidak akan berubah) **(Sunan al-Tirmidhi)**.

BELAH BIJI BENIH DAN MEMBUKA TUNAS POKOK

إِنَّ اللَّهَ فَالِقُ الْحَبِّ وَالنَّوَى يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَمُخْرِجُ الْمَيِّتِ
مِنَ الْحَيِّ ذَلِكُمُ اللَّهُ فَأَنَّى تُؤْفَكُونَ (95)

Sesungguhnya Allah jualah **YANG MEMBELAH (MENUMBUHKAN) BUTIR (TUMBUH-TUMBUHAN) DAN BIJI (BUAH-BUAHAN)**. Dia mengeluarkan yang hidup daripada yang mati, dan mengeluarkan yang mati daripada yang hidup. Yang sedemikian itu kekuasaannya ialah Allah. Maka bagaimanakah kamu dipalingkan dari menyembah-Nya (oleh benda yang kamu jadikan sekutu-Nya)? (al-An'am[6:95]).



BELAH KEGELAPAN MALAM

فَالِقُ الْإِصْبَاحِ وَجَعَلَ اللَّيْلَ سَكَنًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ
حُسْبَانًا ذَلِكَ تَفْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ (96)

ALLAH JUALAH YANG MEMBELAH CAHAYA SUBUH (YANG MENYINGSINGKAN FAJAR), dan yang menjadikan malam untuk tinggal berehat, dan menjadikan matahari dan bulan untuk mengira waktu (menurut peredarannya). Yang demikian itu adalah kuasa penentuan Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui (al-An'am 6:96).




مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

DARI KEJAHATAN
MAKHLUK YANG
ALLAH CIPTA?





PENYAKIT BERBAHAYA TERMASUK COVID 19?



5.4) DOA DARIPADA HADITH

مَا مِنْ عَبْدٍ يَقُولُ فِي صَبَاحٍ كُلِّ يَوْمٍ وَمَسَاءٍ كُلِّ لَيْلَةٍ - بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ - ثَلَاثَ مَرَّاتٍ لَمْ يَضُرَّهُ شَيْءٌ.

Tidak ada seorang pun hamba yang membaca doa ini sebanyak 3 kali pada waktu pagi dan petang melainkan tidak akan ditimpa apa-apa mudarat: **"DENGAN NAMA ALLAH YANG TIDAK AKAN MEMBERI MUDARAT (BAHAYA DAN KESUSAHAN) BERSAMA NAMA-NYA SESUATU APA PUN BAIK DI BUMI ATAU (YANG TURUN) DARI LANGIT, DAN DIALAH (ALLAH) YANG MAHA MENDENGAR LAGI MAHA MENGETAHUI"** (Sunan al-Tirmidhi, 3310 dan Sunan Abu Dawud, 4425).

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا لَقِيتُ مِنْ عَقْرَبٍ لَدَغْتَنِي الْبَارِحَةَ ،
قَالَ أَمَا لَوْ قُلْتَ حِينَ أَمْسَيْتَ : **أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ** ، لَمْ تَضُرَّكَ

Seorang lelaki datang mengadu kepada Rasulullah SAW dengan katanya: "Wahai Rasulullah, Alangkah sakitnya ketika aku disengat kala jengking semalam." Baginda menjawab: " Jika kamu membaca pada waktu petang (doa ini): **AKU BERLINDUNG DENGAN KALIMAH ALLAH YANG MAHA SEMPURNA DARI SEGALA KEJAHATAN MAKHLUK**, sudah pasti ia (sengatan jengking itu) tidak akan memudaratkan kamu (Sahih Muslim, 4883).

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ

“Ya Allah! Aku mohon perlindunganmu dari (bahaya) penyakit sopak, gila, kusta **DAN SEMUA PENYAKIT YANG BAHAYA**” (Sunan Abu Dawud, 1329 dan Musnad Ahmad, 12,534).

PENUTUP: HANYA ALLAH KITA SELEPAS KITA BERUSAHA MENJAGA SOP

يَا غُلَامُ إِنِّي أُعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ أَحْفَظُ اللَّهُ يَحْفَظُكَ
أَحْفَظُ اللَّهُ تَجِدُهُ بِجَاهِكَ إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ
وَإِذَا اسْتَعَنْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ وَاعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوِ
اجْتَمَعَتْ عَلَىٰ أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا
بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ وَلَوْ اجْتَمَعُوا عَلَىٰ أَنْ
يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ
عَلَيْكَ رُفِعَتْ الْأَقْلَامُ وَجَفَّتِ الصُّحُفُ



Wahai anak! Aku akan mengajarkanmu beberapa pelajaran berguna. Jagalah hak Allah, pastinya Allah akan menjagamu. Jagalah hak Allah, pastinya Allah akan membantumu. Jika engkau mahu meminta sesuatu maka mintalah dari Allah. Jika engkau mahukan pertolongan, maka mintalah pertolongan darinya. Percayalah bahawa jika seluruh umat manusia berkumpul untuk memberikanmu sesuatu manfaat, mereka tidak akan mampu (sama sekali) memberikanmu manfaat melainkan apa yang sudah Allah tentukan untukmu. Dan jika mereka (seluruh umat manusia) berkumpul untuk memudharatkanmu, mereka tidak akan mampu (sama sekali) memudharatkanmu melainkan apa yang sudah Allah tentukan untukmu. Pena taqdir sudah diangkat dan kertas taqdirmu juga sudah kering! (Taqdir yang ditulis semenjak azali sudah muktamad dan tidak akan berubah)

(Sunan al-Tirmidhi, 2440 dan Musnad Ahmad, 2666).